

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 17 JULAI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1142-L3028
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah bilangan pesakit baru ginjal (buah pinggang) setiap tahun dan puncanya serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh rakyat; dan
 - (b) berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dan bajet yang disediakan setiap tahun untuk peralatan rawatan serta ubatan.
2. PN-1142-L3321
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah perbezaannya penubuhan Sekolah Bestari dan Sekolah Kluster di negara ini. Apakah dengan penubuhan Sekolah Kluster ini pencapaian pelajarannya akan lebih baik daripada Sekolah Bestari.
3. PN-1142-L3437
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sehingga kini berapakah jumlah Kerajaan Tempatan yang terlibat dengan Program Kitar Semula dan apakah punca sebenar mengapa kejayaannya hanya sekitar 5%.
4. PN-1142-L3289
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan program-program yang telah disusun untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan negara ke 50 sepanjang bulan Ogos nanti.

5. PN-1142-L3493
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan baru-baru ini terdapat beberapa kes kebocoran dan keretakan pada bangunan-bangunan Kerajaan yang memerlukan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk kos pembaikan. Setiap kali siasatan dibuat, "workmanship" telah diberi sebagai penyebab masalah. Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengesahkan kualiti kerja sebelum pembayaran dibuat.
6. PN-1142-L3540
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil terhadap tiga buah negeri yang gagal memperbadankan Jabatan Bekalan Air Negeri (JBA) masing-masing yang juga dikatakan melanggar Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
7. PN-1142-L3293
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Dasar Luar Negara masa kini dalam alam unipolar, selepas perang dingin (cold war) sejajar dengan ASEAN, GTT dan OIC.
8. PN-1142-L3302
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran kerugian pelaburan Internet yang ditanggung oleh rakyat Malaysia. Setakat ini, adakah apa-apa pendakwaan yang telah dibuat terhadap operator pelaburan Internet terlibat.
9. PN-1142-L3603
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan langkah yang diambil bagi memastikan industri perfileman negara sentiasa mengikut peradaban Timur serta adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap produser dan pelakon wanita yang telah membotakkan rambut dengan membawa watak sebagai seorang mualaf.
10. PN-1142-L3215
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian bagi membantu individu yang berjaya menghasilkan ciptaan terutama dalam bidang automotif dan elektronik.
11. PN-1142-L3595
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kesan daripada wabak selesema burung (H5N1) yang berlaku di Sg. Buloh baru-baru ini. Apakah tindakan yang diambil Kementerian selaras dengan dasar WHO.

12. PN-1142-L3114
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengenai kandungan program televisyen berbentuk interaktif menerusi saluran televisyen berbayar Astro, iaitu ruangan sembang siber atau chating terbuka di saluran 15 Astro yang lebih menjurus kepada gejala tidak sihat iaitu mengaibkan orang dengan menyentuh hal peribadi secara terbuka.
13. PN-1142-L3429
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memberi kakitangan Kerajaan imbuhan melancong bersama ahli keluarga ke negeri-negeri Malaysia sebagai insentif setiap tiga (3) tahun sekali atau pada tiap-tiap tempoh tertentu perkhidmatannya agar insentif tersebut mendorong pegawai-pegawai berkenaan mempertingkatkan tahap perkhidmatan dan prestasi di samping itu membantu menghidupkan sektor pelancongan dalam negeri/perniagaan domestik dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.
14. PN-1142-L3494
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ke atas masalah banjir di perkampungan yang mempunyai tali air dan sungai yang tidak dibersihkan oleh kakitangan Kementerian hingga menyebabkan pokok buah-buahan dan kelapa sawit mati akibat banjir terutama sekali di daerah Muar Selatan, Johor.
15. PN-1142-L3149
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah penjualan unit kereta-kereta nasional jika dibandingkan dengan penjualan kereta-kereta import.
16. PN-1142-L3221
Tuan Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan peralatan tambahan yang digunakan oleh Kerajaan untuk membanteras kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke negeri Sabah.
17. PN-1142-L3101
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula harga Rumah Mesra Rakyat di negara ini memandangkan adanya perbezaan harga di antara kawasan bandar dan luar bandar.
18. PN-1142-L3517
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah tiada penyelarasan dibuat bagi pemilihan pelajar memasuki sekolah berasrama penuh (sekolah sains) dan MRSM agar ia dibuat secara serentak.

19. PN-1142-L3093
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar kekurangan dan kecuaiian yang sering berlaku di Hospital Kajang contohnya di wad kecemasan dan bilik farmasi (pharmacy). Adakah Kementerian bercadang untuk membina hospital moden mengikut kepadatan penduduk yang makin meningkat di bandar Kajang.
20. PN-1142-L3054
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan :-
- (a) bagaimana Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengatasi masalah kecurian kabel elektrik dan berapakah jumlah kerugian yang dialaminya; dan
 - (b) berapakah nilai tuntutan ganti rugi yang kena dibayar oleh TNB kepada pihak yang menyamannya berhubung dengan kecuaiian yang membabitkan TNB dalam masa 5 tahun kebelakangan ini.
21. PN-1142-L3633
Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang mengenakan kuota kemasukan filem CD-DVD dan program-program TV asing ke negara ini bagi melindungi industri tempatan.
22. PN-1142-L3235
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) statistik pekerja asing di sektor perladangan mengikut negara; dan
 - (b) statistik pekerja tempatan di sektor perladangan mengikut kaum.
23. PN-1142-L2974
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penambahan wang yang diperuntukkan setiap tahun untuk kenaikan gaji kakitangan Kerajaan Persekutuan baru-baru ini dan berapakah tambahan wang yang perlu diperuntukkan setiap negeri untuk kenaikan gaji yang sama kadar, sudahkah dan bagaimana tambahan wang di setiap negeri itu diperolehi.
24. PN-1142-L3009
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bantuan dan langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah murid yang terpaksa menggunakan pengangkutan sungai untuk ke sekolah khususnya di Sabah dan Sarawak.

25. PN-1142-L3468
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai isu kanak-kanak jalanan dan peminta sedekah yang sering mencemarkan imej Malaysia terutama di Sabah di mana golongan ini dieksploitasi untuk menjalankan aktiviti meminta sedekah daripada orang awam. Apakah cara pendekatan yang sesuai untuk menangani masalah ini.
26. PN-1142-L3141
Tuan Chiu Tiang Chai minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menghargai sumbangan pejuang dan pemimpin-pemimpin awal kemerdekaan kita sempena 50 tahun kemerdekaan tanah air tidak lama lagi.
27. PN-1142-L3555
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelaksanaan program memo gram bersubsidi dari segi bilangan dan taburan hospital yang terbabit, kumpulan sasar serta cara pembayaran subsidiya. Apakah tindakan yang dirancang bagi memastikan program ini berjaya dan boleh memanfaatkan rakyat jelata.
28. PN-1142-L3040
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kekerapan mesyuarat Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan dalam setahun serta bagaimanakah pandangan Majlis tersebut disebarkan kepada rakyat.
29. PN-1142-L3275
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan fungsi dan bidang kuasa agensi kelayakan Malaysia yang diumumkan baru-baru ini.
30. PN-1142-L3478
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk membina tempat pejalan kaki dan istirehat (promenade) di sepanjang sungai yang mengalir melalui kawasan pekan dan bandar. Dengan cara ini dapat menggalakkan orang ramai untuk menghargai keindahan sungai kita.
31. PN-1142-L3001
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Biro Pengaduan Awam (BPA) boleh meningkatkan integriti Kerajaan, memperbaiki sistem penyampaian maklumat dan membanteras rasuah. Apakah sebenarnya bidang kuasa BPA.
32. PN-1142-L3423
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah penyakit selesema burung yang kini telah merebak sehingga ke negeri Terengganu dapat dikawal.

33. PN-1142-L3082
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pinjaman yang diluluskan kepada IKS-IKS milik kaum India dari tahun 2005 hingga 2007 oleh Bank SME sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan IKS-IKS tempatan di mana selain membesarkan operasi mereka, juga bertujuan untuk menjadikan IKS-IKS ini lebih inovatif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.
34. PN-1142-L2961
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan majikan yang didakwa dari tahun 2003 sehingga Mei 2007 kerana mendera pekerja asing di Malaysia.
35. PN-1142-L3072
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan setiap kali menghadapi pilihan raya umum atau kecil sejak tahun 1990.
36. PN-1142-L3175
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada ujian ketahanan dibuat ke atas bahan-bahan binaan untuk memastikan ianya boleh tahan sebarang impak. Adakah kebocoran yang berlaku ke atas bangunan-bangunan Kerajaan kebelakangan ini disebabkan penggunaan bahan-bahan yang tidak bermutu dan tidak pernah diuji ketahanannya.
37. PN-1142-L2996
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah luar bandar mengambil bahagian di dalam mengendalikan kelas-kelas tuisyen di luar waktu sekolah dan dibayar upah menerusi Skim Tuisyen anjuran Kerajaan sebagai langkah untuk memastikan pelajar-pelajar itu tidak ketinggalan di dalam pelajaran mereka dan juga bagi mendapat kemudahan tuisyen yang berkualiti yang sangat berkurangan di kawasan-kawasan luar bandar terutama di Sarawak.
38. PN-1142-L3135
Tuan Chiu Tiang Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjitukan lagi tahap perpaduan di kalangan pelbagai kaum selepas 50 tahun kemerdekaan supaya generasi masa depan akan terus menikmati keamanan yang terjamin di dalam negara kita.
39. PN-1142-L3249
Datuk Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menaik taraf mutu sukan dan olahraga negara agar ianya sejajar dengan hasrat kita memajukan negara.

40. PN-1142-L3528
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah perlu lagi kakitangan di peringkat sokongan seperti buruh dikekalkan dalam Kementerian kerana banyak kerja-kerja pembangunan setempat kini dilakukan oleh kontraktor mahupun penguasa tempatan.
41. PN-1142-L3462
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang harus diambil bagi menangani serta mengingatkan rakyat tentang kes demam denggi yang semakin meningkat iaitu mencecah sehingga 200 ke 300 kes seminggu secara puratanya kerana kes demam denggi ini masih tidak dapat dibendung dari dahulu lagi.
42. PN-1142-L3370
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah cadangan yang telah dan akan dilaksanakan untuk mewujudkan institusi penyelidikan dan pembangunan bagi menangani permasalahan penyalahgunaan dadah, mat rempit dan lain-lain gejala negatif yang majoritinya dikuasai oleh belia-belia beragama Islam.
43. PN-1142-L3176
Datuk Soon Tian Szu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kira-kira 4.6 juta rakyat negara ini yang layak mengundi masih belum mendaftar sebagai pemilih. Adakah Kerajaan boleh mengadakan lebih banyak kaunter pendaftaran seperti di balai polis, pejabat pos dan lain-lain untuk mengatasi masalah ini.
44. PN-1142-L3352
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan bekalan air yang berkualiti tidak akan terputus dan apakah tindakan Jabatan Bekalan Air dalam memastikan penyenggaraan yang baik paip-paip air dan loji penapisan air di negara ini.
45. PN-1142-L3362
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah bentuk tindakan terhadap kontraktor yang menyebabkan 'kecacatan' ketara berlaku terhadap bangunan Kerajaan yang baru diserahkan ; dan
 - (b) apakah langkah Kementerian yang dikenal pasti bagi mengekang 'kecacatan' sedemikian daripada kerap berulang.
46. PN-1142-L3154
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah utama Kerajaan untuk merealisasikan saranan 'Satu Profesional Setiap Satu Rumah' bagi penduduk Melayu luar bandar.

47. PN-1142-L2969
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilangan dan tarikh banjir besar yang berlaku dalam tempoh 5 tahun yang lepas, apakah tindakan Kerajaan dalam menangani masalah tersebut dan masalah dan cabaran yang dihadapi Kementerian dalam menangani masalah banjir, jumlah peruntukan yang masih kurang untuk setiap projek yang dirancang untuk mengatasi masalah ini.
48. PN-1142-L3385
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah kedai runcit dan gerai yang dijalankan oleh warga asing di Kuala Lumpur serta peruntukan undang-undang berhubung perkara ini kerana peniaga tempatan semakin tertekan dengan kehadiran mereka.
49. PN-1142-L3502
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah kemasukan warga asing yang ramai di negara ini telah menyekat peluang pekerjaan kepada graduan yang masih menganggur.
50. PN-1142-L3184
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menampung kekurangan jururawat di hospital-hospital Kerajaan.
51. PN-1142-L3623
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan benarkah insiden buruk di hari penamaan calon DUN Ijok baru-baru ini disebabkan kesilapan pihak polis yang gagal mengawal keselamatan, tidak menghiraukan penyokong Kerajaan dan pembangkang yang berada terlalu dekat dan perarakan kedua-dua pihak tersilap kawal oleh pihak polis.
52. PN-1142-L3056
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan individu atau syarikat yang sudah dikenakan tindakan tegas kerana mengedarkan bahan penulisan lucah dan penerbitan yang mengancam keselamatan negara.
53. PN-1142-L3530
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah alternatif lain yang dirancang oleh Kementerian untuk menampung kos pengajian pelajar-pelajar yang kian meningkat. Kesulitan untuk membayar balik pinjaman PTPTN mungkin berpunca selain belum mendapat kerja, walaupun ada pekerjaan, gaji yang diterima tidak setimpal dengan kos pengajian yang ditanggung.

54. PN-1142-L3461
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan hasil pengeluaran daging sebanyak 200,000 tan setahun berbanding 100,000 tan sekarang bagi menampung keperluan bekalan daging tempatan.
55. PN-1142-L3260
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jenis-jenis bantuan yang diberi oleh Kementerian bagi pembeli-pembeli rumah di skim-skim perumahan yang terbengkalai memandangkan mereka perlu membayar pinjaman bank walaupun tidak dapat menghuni rumah mereka ini.
56. PN-1142-L3250
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setelah mengumumkan 30 buah sekolah perintis program Sekolah Kluster pada Mac lalu, adakah Kerajaan bercadang menangguhkan dahulu pengumuman 270 buah sekolah berikutnya bagi memberi peluang sekolah perintis itu dipantau perkembangannya untuk satu tempoh yang sesuai.
57. PN-1142-L3164
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan baru-baru ini Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mendesak Kerajaan menimbang segera cadangan formula gaji minimum RM900.00 untuk pekerja swasta bagi mengimbangi taraf hidup rakyat di negara ini. Adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakannya selaras dengan kenaikan gaji kakitangan sektor awam .
58. PN-1142-L2945
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peranan Kementerian dalam menyalurkan maklumat berkenaan agenda pembangunan Kerajaan kepada golongan belia yang berada di IPTA dan IPTS.
59. PN-1142-L3539
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan pendidikan berilmu dan pemikiran kritikal digalakkan di sekolah dan apakah tahap kejayaannya, termasuk menamakan sekolah-sekolah yang telah berjaya.
60. PN-1142-L3453
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian melalui pergerakan koperasi bagi membasmi kemiskinan dan sejauh manakah ianya telah berjaya serta perancangan Kementerian bagi menggalakkan penubuhan koperasi bagi tujuan pembasmian kemiskinan.

61. PN-1142-L3066
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan status syarikat persendirian Bumiputera yang berjaya diwujudkan dalam industri telekomunikasi negara.
62. PN-1142-L3551
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah keberkesanan program RIMUP (Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan) dapat benar-benar merapatkan perpaduan kaum di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah; dan
 - (b) apakah program-program atau aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti menjadi "favourite" kepada pelajar sekali gus membawa manfaat kepada perpaduan kaum.
63. PN-1142-L2952
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pelan tindakan atau program Kementerian dalam mengatasi dan membendung aktiviti gejala sosial para pelajar perempuan di IPTA kerana ada di antara mereka ini yang bekerja sebagai GRO atau menjadi perempuan simpanan.
64. PN-1142-L3262
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab Kementerian menghantar pelajar-pelajar kita belajar di fakulti perubatan di negara-negara seperti Czech dan Poland yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu sebagai institusi pengajian tinggi yang tidak diiktiraf oleh Persatuan Perubatan Malaysia.
65. PN-1142-L3195
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah hasil dan lawatan rombongan Menteri ke Negera China pada bulan Mei 2007 dan apakah tindakan selanjutnya yang dirancang oleh Kementerian.
66. PN-1142-L3410
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan terhadap pengusaha Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang mempromosi kebaikan IPTS masing-masing melalui media massa dan media elektronik tapi tidak menepati seperti apa yang dipromosikan apabila tiba masa pembelajaran.
67. PN-1142-L3586
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan akan rasionalnya majikan di negara ini mengadakan ujian air kencing setiap 6 bulan terhadap pekerja bagi mengenal pasti pekerja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan adakah ianya akan dilaksanakan secara menyeluruh.

68. PN-1142-L2988
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme-mekanisme yang telah disediakan untuk memastikan bahawa keputusan Kerajaan untuk membenarkan kemasukan pembantu-pembantu rumah terutama sekali mereka yang berasal dari Negara China tidak dibawa masuk bagi kegiatan-kegiatan haram seperti pelacuran ataupun kemudiannya menjadi wanita simpanan terutama sekali bagi mereka yang mampu dari segi kewangan sehingga menambahkan lagi masalah sosial negara.
69. PN-1142-L3196
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah pekerja asing yang telah diluluskan oleh Kerajaan mengikut negara sejak 2005 hingga sekarang.
70. PN-1142-L3320
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meluluskan beberapa projek kondominium dan bangunan komersial di sekeliling kawasan Jalan Ceylon dan adakah ini merupakan suatu projek mampan dari segi perancangan pembangunan Local Agenda 21.
71. PN-1142-L3646
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat membiarkan sahaja isu kenaikan yuran langganan ASTRO tanpa mempedulikan rungutan dan ketidakpuasan hati rakyat.
72. PN-1142-L3655
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian terhadap pemaju perumahan yang enggan atau mengabaikan pembinaan rumah kos rendah.
73. PN-1142-L3386
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Ahli Dewan Negara akan turut dilantik serta menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Etika Ahli Parlimen dan apakah suatu jawatankuasa sedemikian bakal diwujudkan bagi memantau etika Ahli Dewan Negara.
74. PN-1142-L3661
Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jenis dan nilai barangan penyeludupan termasuk tanpa isytiharkan cukai yang telah berjaya dirampas oleh Kastam Diraja Malaysia antara tahun 2001- Mei, 2007 serta jumlah hasil denda atau nilai lelongan yang dijadikan hasil pendapatan negara dan nyatakan strategi terkini bagi menangani isu tersebut.

75. PN-1142-L3617
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah pihak MAIWP tidak menggunakan tanah rizab IPB di Kepong untuk dijadikan tapak Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan. Kenapakah pembinaan IKB masih lagi diteruskan di tapak ini dengan pembangunan bercampur sedangkan pembangunan di kawasan ini seolah-olah ingin bersaing dengan syarikat yang sedang giat membangunkan sektor perumahan di kawasan Kepong dan sekitarnya.
76. PN-1142-L3443
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang jadi pelayan pelanggan (GRO) yang tidak bermoral.
77. PN-1142-L3609
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan kenaikan gaji, kakitangan awam perlu ada peningkatan dalam produktiviti dan hasil kerja. Apakah kaedah yang digunakan untuk mengukur produktiviti kakitangan Kerajaan.
78. PN-1142-L3284
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah Kementerian ingin memberikan pertimbangan terhadap penjualan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) diberi juga kepada kakitangan Kerajaan contohnya polis, jururawat dan guru bagi mengimbangi gejala sosial di kawasan tersebut.
79. PN-1142-L3034
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah peranan UNICEF Malaysia menyedarkan masyarakat di Malaysia betapa pentingnya mengukuhkan institusi keluarga bagi membina asas kejayaan dalam masyarakat.
80. PN-1142-L3568
Puan Heng Seai Kie minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyemak semula "standing order" Parlimen demi mengawal tingkah laku dan pertuturan Ahli Parlimen supaya kes "bocor" tidak akan berulang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 18/2007) | Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 - Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.
(16 Julai 2007) | |
| | | [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] | |
| 2. | (D.R. 19/2007) | Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R.25/2007) | Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 4. | (D.R.26/2007) | Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 5. | (D.R.27/2007) | Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 6. | (D.R.28/2007) | Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 7. | (D.R.29/2007) | Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan] | “ |
| 8. | (D.R.15/2007) | Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007
[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri] | “ |
| 9. | (D.R.21/2007) | Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007
[Perdana Menteri] | “ |

- | | | | |
|-----|---------------|--|-------------------------------|
| 10. | (D.R.36/2007) | Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007
[Perdana Menteri] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 11. | (D.R.34/2007) | Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007
[Menteri Kewangan] | “ |
| 12. | (D.R.35/2007) | Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007
[Menteri Kewangan] | “ |
| 13. | (D.R.31/2007) | Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007.
[Menteri Kewangan] | “ |

14. PN-1142-U3023

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan hendaklah menyediakan kajian yang lebih bersepadu untuk mengatasi secara menyeluruh masalah banjir di Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat yang berulang-ulang bukan sahaja mengganggu keselesaan hidup warga kota tetapi mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan di Malaysia. Satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menyelaras kajian tersebut."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

15. PN-1142-U3024

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mestilah merombak kembali kaedah pemberian projek untuk kontraktor kelas F yang diamalkan di pejabat-pejabat JKR Daerah sekarang ini. Sistem undi adalah lebih sesuai digunakan untuk memilih kontraktor yang sudah di 'shortlisted'. Ini dapat mengujudkan ketelusan di kalangan para kontraktor yang disenaraikan tetapi sukar mendapat kerja kerana kaedah memilih di kalangan mereka yang tersenarai itu sering tidak konsisten dan berubah-ubah".

(Menteri Kerja Raya)